



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
SABTU 6 MAC 2021**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1. 2.	HBN JEJAK STATUS HALAL MAKANAN, NASIONAL, BH -14 HALAL BLOCKCHAIN NETWORK GIVES CONSUMERS ACCESS TO INFORMATION ON MEAT PRODUCTS, NEWS/NATION, NST -12	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN (MAFI)
3.	FISHERIES AGENCY'S RM2.4M PLAN FOR 10 MOBILE SHOPS, NEWS IN BRIEF, NST -14	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
4.	MARDI PERKENAL TIGA PRODUK INOVASI MAKANAN, NASIONAL, SH -15	INSTITUT KEMAJUAN DAN PENYELIDIKAN PERTANIAN MALAYSIA (MARDI)
5. 6. 7.	LAPAN AGROBAZAAR FAMA REKOD NILAI JUALAN RM11.9 JUTA, NASIONAL, SH -15 PRODUK PERTANIAN JANA JUALAN RM1 BILION, NEGARA, KOSMO -14 FAMA BANGUNKAN 2,343 OUTLET PEMASARAN KEKAL, UTUSAN BORNEO -ONLINE	LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA)
8.	AGROBANK BUKA PELUANG ASNAF BERNIAGA, BISNES, BH -32	AGROBANK
9. 10. 11.	PESAWAH TANAM BETIK, SAYUR TAMBAH PENDAPATAN KETIKA KEMARAU, NASIONAL, BH -23 DROUGHT FORCING NORTHERN FARMERS TO ALTERNATIVE CROPS, NATION, THE STAR -12 HOPING FOR THE SKIES TO OPEN UP, MUKA DEPAN, THE STAR -1	LAIN-LAIN

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

HBN jejak status halal makanan

Sistem imbasan kod QR beri maklumat produk hingga ke pusat penyembelihan

Oleh Suzalina Halid
suzalina@bh.com.my

Kuala Lumpur: Teknologi Halal Blockchain Network (HBN) yang dibangunkan kumpulan perniagaan Malakat Ekosistem, membolehkan pengguna menjejaki maklumat rantai bekalan makanan halal, sekali gus dapat mengatasi masalah makanan yang diragui status halalnya.

Pengasas HBN yang juga Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Malakat, Mohd Fadzil Hashim, berkata melalui teknologi HBN, pengguna boleh menjejaki data rantai bekalan makanan dengan hanya mengimbas kod QR pada bungkus makanan.

Beliau berkata, setakat ini, pengguna boleh mengimbas ke-mudahan kod QR HBN pada pek makanan asas di premis peruncitan Malakat Grocer untuk mengetahui maklumat sumber makanan itu termasuk pengiktirafan halal oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM).

Katanya, teknologi HBN bukan untuk menggantikan standard halal JAKIM, sebaliknya memberi nilai tambah dalam memastikan makanan dijual diwakili halal.

"HBN adalah inisiatif untuk menjejaki pembekalan produk halal bagi memberi maklumat itu kepada pengguna mengenai sumber bahan mentah dibekalkan. "HBN" bukan menggantikan standard halal JAKIM, sebaliknya mampu menjadi pelengkap yang memberi nilai tambah kepada produk sumber makanan menggunakan teknologi itu.

"Data mengenai bekalan makanan daripada peringkat pengeluaran hingga kepada penjual, disimpan dalam bentuk blok berangkai dan diedar ke jutaan komputer di seluruh dunia melalui rangkaian

internet untuk penyimpanan dan pengesahan," katanya selepas pelancaran HBN oleh Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Che Abdullah Mat Nawi di sini, semalam.

Mohd Fadzil berkata, pengguna teknologi terkini HBN akan memastikan rantai bekalan makanan terpelihara dan tidak bercampur dengan makanan tidak halal dan pengguna tidak tertipu dengan logo halal JAKIM palsu.

Katanya, bagi memastikan kesinambungan data dan maklumat disimpan dalam HBN, kakitangan Malakat Ekosistem akan memastikan semua data berkenaan dan bukan pihak pengimport.

"Sistem itu boleh digunakan mana-mana pihak di seluruh dunia dan sehingga kini, syarikat pengeksport, antaranya dari Brazil menunjukkan minat untuk turut sama menggunakan HBN.

"Sistem ini selamat dan tidak boleh diubah, namun jika ia berlaku, pemberitahuan akan dimaklumkan dalam sistem," katanya. Sementara itu, Che Abdullah berkata, usaha Malakat Ekosis-



Che Abdullah bersama Mohd Fadzil (kanan) melawat premis menjual daging halal selepas melancarkan Halal Blockchain Network di Malakat Mall, Cyberjaya, semalam. (Foto Hazreen Mohamad/BH)

tem membangunkan HBN itu disokong kementeriaannya selepas banyak isu dilaporkan mengenai manipulasi status halal produk daging sebelum ini.

"HBN dapat membantu memastikan bekalan makanan lebih terjamin dan diyakini kerana pengeluaran dapat dijejaki sehingga ke pusat penyembelihan, sekali gus dapat menghilangkan keraguan rakyat terutama terhadap daging import."

"Kita bersedia mengembangkan sistem itu dengan membina pihak penguatkuasaan khususnya di bawah Kementerian bagi memudahkan aspek tindakan diambil jika terdapat unsur penyeludupan dalam bekalan.

"Sekarang masa terbaik menggunakan sistem ini bagi menangani kebimbangan orang ramai terhadap sumber bekalan daging import yang menjadi isu didedahkan beberapa bulan sebelum ini," katanya.

BH sebelum ini melaporkan pembabit kartel daging yang membawa daging diragui status halalnya ke negara ini.

Kartel yang mendalangi penyedaran daging import dari negara sumber tidak sah, termasuk diragui status halal dan kualitinya, dipercayai 'membeli' beberapa kakitangan kerajaan termasuk pegawai kanan agensi tertentu bagi melepasi pemeriksaan di pintu masuk negara.

JUST SCAN THE QR CODE

Halal Blockchain Network gives consumers access to information on meat products

CYBERJAYA: Malakat Ecosystem has developed the world's first Halal Blockchain Network to trace the origins of imported beef.

With the Halal Blockchain Network, consumers can simply scan the QR Code on a product's packaging and information on the meat will be displayed, from which cattle farm it came from, to the abattoirs it has been through, to the point the meat was processed into a finished product sold at the local market.

The system is currently used for beef imported from India that will be sold at retail outlets at Malakat Mall this Ramadan.

The Halal Blockchain Network will also be used for local beef supplied to the mall.

Deputy Agriculture and Food Industries Minister II Datuk Che Abdullah Mat Nawi said the Halal Blockchain Network could com-

plement the existing system used by government agencies.

"Now is the right time (to use this system) to address people's concerns about the source of meat since the issue was raised several months ago."

"This can be a value-added service to our system," he said after launching the Halal Blockchain Network at Malakat Mall here yesterday.

Halal Blockchain Network founder Mohd Fadzil Hashim said it was paramount to regain people's trust in the halal status of meat following the media expose recently on dubious frozen meat. He said the blockchain system was an important project as it involved halal food for more than one billion Muslims.

He said project aimed to provide consumers with detailed information on halal products.

"This system can be used by anyone around the world. Exporters from foreign countries such as Brazil have expressed interest in it."

"It is a secure system that cannot be tampered with, but if it happens, there will be notifications in the system."

New Straits Times and *Berita Harian* recently exposed the operations of meat cartels that bring non-certified meat into Malaysia and pass them off as halal-certified products.

Senior government officers reportedly received money, and in some cases even women for sex, as bribes to turn a blind eye to the cartel's operations.

The matter has adversely impacted the halal frozen meat industry, forcing government agencies to tighten standard operating procedures on the matter.



Deputy Agriculture and Food Industries Minister II Datuk Che Abdullah Mat Nawi (second from right) visiting a halal meat premises after the launch of the Halal Blockchain Network at Malakat Mall in Cyberjaya yesterday. PIC BY HAZREEN MOHAMAD

Fisheries agency's RM2.4m plan for 10 mobile shops

BUKIT GANTANG: The Fisheries Development Authority of Malaysia has allocated RM2.4 million to set up 10 mobile shops, which will ply 50 parliamentary constituencies across the country from next month. Its chairman, Datuk Syed Abu Hussin Hafiz Syed Abdul Fasal, said Prime Minister Tan Sri Muhyiddin Yassin would launch the mobile shop programme in Sepang, Selangor, at the end of the month. He said the programme had been proposed by the agency and approved by the Agriculture and Food Industries Ministry. "We will have the mobile shops serve locations with the agency's office and Area Fishermen's Association to sell basic necessities and fish," he said. **Bernama**

Glow-D Nektar Buah,
FruitiGold Nektar Buah
Campuran dan Tauhu
Ikan Patin

Oleh NORHASPIDA YATIM

KUALA TERENGGANU

Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) memperkenalkan tiga produk inovasi makanan dan buku Warisan Makanan Malaysia.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan I, Datuk Seri Ahmad Hamzah berkata, antara produk makanan itu ialah Glow-D Nektar Buah, FruitiGold Nektar Buah Campuran dan Tauhu Ikan Patin.

Menurutnya, kesemua produk tersebut telah melalui proses Penyelidikan dan Pembangunan (R&D) selama kira-kira tiga tahun.

"Kesemua produk yang dihasilkan mempunyai fungsi tambahan dan kelebihan tersendiri, antaranya mempunyai nilai antioksidan serta flavonoid tinggi, kandungan fenolik stabil, tinggi serat diet, rendah karbohidrat lemak dan tinggi protein berbanding produk komersial tempatan yang lain.

"Produk yang dihasilkan telah me-

MARDI perkenal tiga produk inovasi makanan



Pegawai Penyelidik Kanan MARDI, Nik Hafizah Nik Ubaidillah menunjukkan Tauhu Ikan Patin yang merupakan antara produk inovasi hasil R&D MARDI.



Ahmad (tengah) pada majlis pelancaran tiga produk inovasi makanan dan buku Warisan Makanan Malaysia di MARDI Kuala Terengganu pada Jumaat.

lalui beberapa ujian dan pemprosesan sebelum ia dapat dikomersialkan," katanya pada pelancaran produk berkenaan di sini pada Jumaat.

Hadir sama, Ketua Pengarah MARDI, Datuk Dr Mohamad Roff Mohd Noor, Timbalan Ketua Pengarah Penyelidikan MARDI, Hashimah Hafiz Ahmad dan Pengarah MARDI Terengganu, Amiran Ngah.

Ahmad berkata, MARDI turut menerbitkan buku mengandungi aneka makanan kudapan ringan, laksa, mi dan nasi serta lauk pauk.

"MARDI optimis produk inovasi makanan dan buku yang diterbitkan ini dapat membantu meningkatkan perusahaannya industri tempatan, selain menjadi rujukan utama berkenaan mak-

nan warisan Malaysia terutama kepada generasi muda.

"Saya juga berharap usahawan dapat memanfaatkan teknologi MARDI yang diperkenalkan kerana ia dapat meningkatkan pendapatan pengusaha secara tidak langsung dan ekonomi negeri dapat dijana dengan baik," kata beliau.

Lapan Agrobazaar FAMA rekod nilai jualan RM11.9 juta

BESUT - Lapan Agrobazaar Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) di seluruh negara mencatatkan nilai jualan RM11,892,699.72 juta merangkumi 32,292 produk bagi tempoh berakhir Disember 2020.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan I, Datuk Seri Ahmad Hamzah berkata, daripada jumlah itu, sebanyak tiga lokasi Agrobazaar di Terengganu iaitu di Nyiur Tujuh, Besut serta di Chendering dan Permint Jaya di Kuala Terengganu mencatat nilai jualan sebanyak RM1,041,555.93 bagi tempoh Januari 2021 hingga Februari 2021.

Menurutnya, nilai jualan bagi Agrobazaar Nyiur Tujuh, Besut sahaja mencatatkan sebanyak RM125,705.69 sejak ia dibuka pada 1 Februari lalu.

"Agrobazaar adalah outlet peruncitan yang berperanan sebagai pusat pemasaran *one stop centre* dan promosi produk Industri Asas Tani (IAT) serta lain-lain hasil berasaskan per-

anian.

"Projek ini adalah satu entiti outlet runcit yang berfungsi menyediakan ruang pasaran kompetitif sebagai pusat jualan dan promosi produk IAT," katanya selepas lawatan kerja di Agrobazaar Nyiur Tujuh, Besut di sini pada Jumaat.

Hadir sama, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Kuala Besut, Tengku Zaihan Che Ku Abd Rahman; Ketua Pengarah FAMA, Datuk Zainal Abidin Yang Razalli; Ahli Lembaga Pengarah FAMA, Datuk Ghazale Muhammad dan Ketua Pegawai Eksekutif FAMA Corporation Sdn Bhd, Faiz Afizi Mohamed.

Sementara itu, Ahmad berkata, pembangunan Agrobazaar Nyiur Tujuh adalah usaha FAMA untuk membantu usahawan tani, selain dijadikan hab pemasaran dan jualan produk tempatan bagi memberikan pendapatan lebih buat mereka.

"Agrobazaar Nyiur Tujuh dibina di tapak Pasar Tani Kekal di sini dan beroperasi se-



Ahmad (dua dari kanan) melawat Agrobazaar Nyiur Tujuh, Besut pada Jumaat.

tiap hari bermula jam 8 pagi hingga 10.30 malam dengan menawarkan sebanyak 4,200 SKU produk.

"Konsep Agrobazaar Nyiur Tujuh adalah *one stop centre* pelbagai produk industri makanan dan segar, hab jualan secara atas talian (*online*) dan lokasi *pick up point*, hab agro pelancongan bagi mempromos-

ikan produk keluaran tempatan serta sebagai segmentasi pasaran baharu kepada usahawan tani dalam memasarkan produk mereka," katanya.

Beliau berkata, FAMA telah membangunkan sebanyak 2,343 outlet pemasaran kekal dan separa kekal moden, antaranya Pasar Tani Kekal (PTK), Rural Transformation

Centre (RTC), Agrobazaar, Gerai Buah-Buahan Segar (GBBS) dan Medan Food Truck.

"Kesemua outlet pemasaran ini melibatkan seramai 50,189 usahawan bimbingan dengan perolehan nilai jualan sebanyak RM137.1 juta bermula awal tahun ini hingga akhir Januari 2021," katanya.

Pasar Tani, Agrobazaar masih jadi pilihan ramai

Produk pertanian juga jualan RM1 bilion

Oleh MOHD. AZLI ADLAN

BESUT – Pasar Tani dan Agrobazaar kelolaan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) di seluruh negara berjaya menjana jualan mencecah RM1 bilion sepanjang tempoh pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) sejak 18 Mac tahun lalu.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan I, Datuk Seri Ahmad Hamzah berkata, nilai jualan yang memberangsangkan itu menunjukkan produk pasar tani dan Agrobazaar masih mendapat tempat dalam kea-

daan ekonomi tidak menentu ekoran pandemik Covid-19.

Katanya, FAMA mengambil pendekatan bukan sahaja menjual produk secara langsung di pasar tani dan Agrobazaar tetapi juga secara online.

“Kita sedar masyarakat kini lebih selesa melakukan pembelian secara online sepanjang tempoh PKP.

“Bagi mereka, pembelian secara online di rumah masing-masing lebih selesa dan menjamin keselamatan,” katanya ketika melawat Agrobazaar Nyiur Tuh, Jertih di sini semalam.

Dalam pada itu, Ahmad berka-

ta, lapan Agrobazaar di seluruh negara juga menunjukkan kemajuan memberangsangkan dengan menghasilkan jualan lebih RM11.89 juta pada tahun lalu.

Tambah beliau, setakat ini, kesemua Agrobazaar itu memasarkan 32,292 pelbagai produk.

Ahmad berkata, sehingga Februari 2021 lapan Agrobazaar dibangunkan di seluruh negara.

“Di Terengganu ini, selain Agrobazaar Nyiur Tuh, ada dua lagi iaitu Agrobazaar Chendering, Agrobazaar Permint Jaya yang kedua-duanya terletak di Kuala Terengganu,” katanya.



AHMAD (dua dari kanan) menunjukkan nanas MD2 yang dijual di Agrobazaar Nyiur Tuh, Jertih semalam.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
6/3/2021	UTUSAN BORNEO	ONLINE	

FAMA bangunkan 2,343 outlet pemasaran kekal



DAPATKAN DI SINI: (tiga kiri) Datuk Seri Ahmad menunjukkan antara produk sejuk beku yang boleh didapati di FAMA Agrobazaar, Besut.

BESUT: Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) berjaya membangunkan 2,343 outlet pemasaran kekal dan separa kekal moden melibatkan 50,189 usahawan bimbingan dengan nilai jualan RM137.1 juta sehingga akhir Januari lalu.

Outlet itu seperti Pasar Tani Kekal (PTK), Rural Transformation Centre (RTC), Agrobazaar, Gerai Buah-Buahan Segar (GBBS), Medan Food Truck dan lain-lain.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan I, Datuk Seri Ahmad Hamzah berkata, melalui Agrobazaar sahaja, FAMA merekodkan nilai jualan RM11,892,699.72 berakhir Disember 2020.

Beliau berkata, ia menerusi pemasaran 32,292 produk Stock Keeping Unit (SKU) di keseluruhan lapan Agrobazaar yang dibangunkan di seluruh negara.

Menurutnya, negeri Terengganu mempunyai tiga lokasi Agrobazaar iaitu Agrobazaar Nyiur Tujuh di Besut dan Agrobazaar Chendering serta Agrobazaar Permint Jaya di Kuala Terengganu.

"Jumlah keseluruhan nilai jualan bagi ketiga-tiga Agrobazaar negeri Terengganu ini mencatatkan RM1,041,555.93 dari Januari 2021 hingga Februari 2021."

"Untuk data nilai jualan bagi Agrobazaar Nyiur Tujuh, Besut sahaja, ia mencatatkan RM125,705.69 sejak ianya dibuka pada 1 Februari 2021," katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.

Terdahulu Ahmad Hamzah melakukan lawatan kerja ke Agrobazaar Nyiur Tujuh, Besut bagi melihat sendiri Agrobazaar itu yang mana berfungsi sebagai outlet pemasaran dan promosi produk industri makanan serta produk segar.

Turut hadir Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Kuala Besut, Tengku Zaihan Che Ku Abd. Rahman; Ketua Pengarah FAMA, Dato' Haji Zainal Abidin Yang Razalli; Ahli Lembaga Pengarah FAMA, Datuk Wira Haji Ghazale Muhammad dan Ketua Pegawai Eksekutif FAMA Corporation Sdn. Bhd., Faidz Afizi Mohamed.

Sementara itu, Hamzah berkata, pembangunan Agrobazaar Nyiur Tujuh menunjukkan satu lagi usaha oleh FAMA dalam membantu usahawan tani selain dijadikan sebagai hab pemasaran dan jualan produk tempatan berpotensi meraih pendapatan lebih buat mereka.

Katanya, Agrobazaar Nyiur Tujuh, Besut telah dibuka pada 1 Februari 2021 dan dibina di tapak Pasar Tani Kekal Nyiur Tujuh, Besut.

Ianya beroperasi setiap hari dari jam 8.00 pagi hingga 10.30 malam dan menawarkan sebanyak 4,200 SKU produk.

"Konsep Agrobazaar Nyiur Tujuh merupakan pusat sehenti pelbagai produk industri makanan dan segar, hab jualan secara dalam talian (online) dan lokasi pick up point, hab agro pelancongan bagi mempromosikan produk keluaran tempatan dan sebagai segmentasi pasaran baharu kepada usahawan tani dalam memasarkan produk mereka," katanya.

Agrobazaar adalah sebuah outlet peruncitan yang berperanan sebagai pusat pemasaran one stop centre dan promosi produk Industri Asas Tani (IAT) serta lain-lain hasil berasaskan pertanian. Projek ini merupakan satu entiti outlet runcit yang berfungsi untuk menyediakan ruang pasaran yang kompetitif sebagai pusat jualan dan promosi produk IAT.

Agrobank buka peluang asnaf berniaga

Agrobank dengan kerjasama Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) dan Ekza Food Resources melancarkan Program Keusahawanan Asnaf - Jom Sate bagi membuka peluang baharu kepada bakal usahawan daripada golongan asnaf.

Program kerjasama itu diwujudkan bagi menggalakkan semangat dan membina kemahiran keusahawanan dalam kalangan komuniti asnaf di Wilayah Persekutuan.

Ia juga akan membantu meningkatkan taraf sosial ekonomi golongan itu, khususnya dalam menghadapi cabaran ekonomi berikutan penularan COVID-19.

Pengerusi Agrobank, Datuk Mustapha Buang, berkata proses membina perniagaan sate bagi lahan bakal usahawan terpilih yang mengikuti program itu di permudahkan, apabila mereka menerima bantuan dan sokongan.

"Seramai lapan orang usaha-

ekonomi mereka pada masa hadapan," katanya.

Beliau berkata demikian ketika melancarkan Program Keusahawanan Asnaf - Jom Sate secara maya di FB Live Agrobank, semalam.

Mustapha berkata, inisiatif tiga pihak itu juga adalah untuk memastikan kesinambungan perniagaan bagi pengusaha perniagaan mikro yang meliputi lebih 90 peratus daripada keseluruhan perusahaan kecil dan sederhana (PKS) di Malaysia.

"Adalah menjadi azam kami di Agrobank untuk memanifestasikan program pembangunan usahawan yang menyambut dan menyokong seruan kerajaan meletakkan ekonomi mikro seperti mana strategi Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA)," katanya.

Pada masa hadapan, beliau berkata Agrobank berhasrat untuk mengembangkan inisiatif itu de-



Mustapha Buang

wan yang terdiri daripada komuniti asnaf diberi bantuan zakat dan kemahiran latihan, termasuk proses pembelian peralatan membakar dan bahan mentah, memerap rempah ratus serta mencucuk sate.

"Semua ini akan diuruskan bersama agar usahawan ini boleh terus memulakan perniagaan mereka dan terus berusaha untuk meningkatkan taraf sosial

ngan pembabit lebih banyak pihak seperti Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), komuniti masjid dan pelanggan sedia ada nya sebagai rakan strategik selain meluaskan skop perniagaan.

Langkah inovatif itu turut membabitkan beberapa pihak lain di bawah program strategik dan berstruktur Agrobank iaitu Program Keusahawanan Asnaf Agrobank.

Program terabit dilancarkan buat pertama kali dengan kerjasama Institut Profesional Baitulmal (IPB) dan Alma Proccesing Trading Sdn Bhd untuk program Bomb Burger tahun lalu.

Secara keseluruhan, seramai 47 asnaf diberikan pelbagai latihan kemahiran berkaitan perniagaan melalui modul pemasaran dalam talian kerjasama beberapa institusi pendidikan seperti Universiti Malaysia Terengganu dan IPB.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
6/3/2021	BERITA HARIAN	NASIONAL	23



Mohd Yusri memeriksa tanaman betik yang diusahakan sebagai alternatif akibat terkesan dengan musim kemarau sejak awal Januari lalu di Kampung Baru, Penaga, Kepala Batas. (Foto BERNAMA)

Pesawah tanam betik, sayur tambah pendapatan ketika kemarau

Kepala Batas: Tertekan dengan keadaan semasa termasuk ketika negara dilanda musim kemarau mendorong seorang pesawah mencari alternatif lain menanam pendapatan dengan menanam betik dan pelbagai jenis sayur.

Mohd Yusri Mustafa, 42, berkata dia yang mengusahakan tanaman padi sejak 23 tahun lalu, sering berdepan masalah setiap kali musim kemarau yang menjejaskan jadual penanaman, sekali gus menyebabkan pendapatannya terjejas.

Beliau berkata, terdapat kira-kira 70 pesawah dalam kawasan yang turut mengalami masalah sama ekoran jadual penanaman padi dijangka mengalami kelewatan disebabkan musim panas kali ini.

"Kebanyakan pesawah di sini sudah selesai menuai padi ham-

pir sebulan lalu dan kini menunggu jadual air masuk ke petak sawah dijangka pada pertengahan bulan ini, tetapi cuaca panas mungkin menyebabkan berlaku kelewatan.

"Hasil penanaman musim lalu pula merosot sehingga 40 peratus, jadi saya perlu memikirkan sesuatu untuk mencari pendapatan lain tanpa bergantung sepenuhnya dengan hasil padi bagi menyara keluarga termasuk empat anak berusia tiga hingga 14 tahun," katanya ketika ditemui di Kampung Baru, Penaga, di sini, semalam.

Susulan itu, Mohd Yusri berkata, dia mengambil langkah berani dengan menanam betik dan pelbagai jenis sayur, termasuk terung serta jagung selepas memelajarinya daripada beberapa rakan.

"Tanaman ini dijangka menge-

luarkan hasil selepas enam bulan," katanya.

Mohd Yusri berkata, dia menanam kira-kira 600 pokok betik dan pelbagai jenis sayur di atas tanah miliknya berkeluasan 1.52 hektar dengan dibantu seorang pekerja.

Sementara itu, rakannya, Ismail Che Mat, 68, berkata dia yang mengusahakan sawah sejak bersara 12 tahun lalu berharap dapat meneruskan jadual penanaman padi tepat pada masanya.

"Saya dimaklumkan air pertama akan masuk ke sawah pada pertengahan bulan ini dan berharap tiada kelewatan kerana ini pendapatan utama saya.

"Pada masa sama, saya berharap isu pembelian benih padi sah juga dapat diatasi supaya pesawah berhak membeli sendiri benih daripada pengedar yang kami sudah biasa sebelum ini," katanya.

Drought forcing northern farmers to alternative crops

KEPALA BATAS: The current hot and dry weather has forced farmers in Seberang Perai to cultivate alternative crops.

Padi farmer Mohd Yusri Mustafa, 42, said the drought had caused the yield of padi under the Padang Tembusu Area Farmers Organisation (PPK) in Penaga, near here, to drop by 40% or RM30,000.

"We usually experience drought between January and March. I need to find a way to feed my family by cultivating papaya, corn and eggplant because there is no other way," he said in Kampung Baru, Penaga, yesterday.

This was the first time he planted papaya since becoming a farmer 23 years ago.

"I have planted about 600 papaya trees on a 1.52ha piece of land and, since it was my first time (planting papaya trees), it cost me about RM15,000, including irrigation," said the father of four.

He hoped authorities like the National Farmers Organisation (Nafas) and PPK would improve

their existing agricultural strategies to help farmers affected by the drought and the pandemic.

"This situation is putting pressure on us, more so since our padi yields also dropped last season," he said.

A check by Bernama found that most of the padi fields in the area had been ploughed after the harvest last month.

Farmers are now just waiting for water to be channelled to the fields.

Another farmer, Ismail Che Mat, 68, said getting sufficient water during the dry season was a problem.

"No decision has been made by the Agriculture Department on water scheduling here. The low water pressure has also caused the planting of seedlings to be postponed," he said.

The Malaysian Meteorological Department previously stated the country was currently experiencing the final phase of the north-east monsoon season, which is expected to continue until the middle of this month, with low rainfall projected, especially in the northern states.

Private vaccine plan poser

Public health experts are divided over letting the private healthcare sector have access to Covid-19 vaccines to immunise those who can afford it. While some argue that this might speed up the mass vaccination process, others say it would only promote 'queue-jumping' by the privileged. > See page 5 for report by ASHLEY TANG and CLARISSA CHUNG



Hoping for the skies to open up

Padi farmer Mohd Yusri Mustafa is praying for the drought to end as it has caused the padi yield under the Padang Tembusu Area Farmers Organisation in Penaga, Kepala Batas, Penang, to drop by 40%. Sufficient water supply during the dry season is a problem and this has led to barren fields.
— Bernama
> See report on page 12